

Naib Canselor UniMAP Bentang Kajian Lumpur LAPINDO di IRSTC

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin telah membentangkan hasil kajian berkenaan lumpur Sidoerjo LAPINDO, antara bencana alam yang paling buruk dalam sejarah Republik Indonesia di dalam Seminar Antarabangsa: Inovasi Penyelidikan untuk Sains, Teknologi dan Budaya bertempat di Graha Widya Bhakti, PUSPITEK Serpong.

Di dalam pembentangan beliau, Datuk Prof. Dr. Kamarudin berkongsi hasil penyelidikan tersebut bagi menyelesaikan masalah lambakan lumpur yang tidak digunakan. Lumpur tersebut dapat menghasilkan agregat menggunakan kaedah geopolimer yang boleh digunakan dalam industri pembinaan. Hasil kajian ini telah menarik minat pemerintah dan industri di Indonesia kerana mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar yang terhasil daripada lumpur yang keluar tanpa henti dari perut bumi semenjak tahun 2006 di wilayah Sidoerjo, Surabaya Indonesia.

Turut hadir pada majlis perasmian seminar tersebut adalah mantan Timbalan Presiden Republik Indonesia iaitu Dr. H. Muhammad Jusuf Kalla dan Prof. Dr. Rohmin Dhamhuri, mantan Menteri Laut Republik Indonesia.

